

RANCANG PERJALANAN PULANG KE BANDAR DENGAN MYPLUS-TTA, ELAK KESESAKAN PADA HARI-HARI PUNCAK

Petaling Jaya, 26 Mac 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan peningkatan trafik yang ketara di rangkaian lebuh rayanya bersempena pergerakan pulang ke Lembah Klang selepas bercuti sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sehubungan itu, PLUS menggalakkan orang ramai agar dapat merancang perjalanan lebih awal dengan menggunakan MyPLUS-TTA bagi menikmati perjalanan yang lebih lancar.

Sepanjang tempoh perjalanan pulang ke ibu kota, Hari-hari Puncak dikenal pasti pada 27 Mac, 28 Mac dan 29 Mac 2026, di mana PLUS menjangkakan antara 2 juta sehingga 2.3 juta kenderaan sehari akan menggunakan rangkaian lebuh rayanya. Peningkatan ini melibatkan pergerakan trafik jarak jauh serta perjalanan antara bandar-bandar utama menuju ke Lembah Klang selepas bercuti sempena Aidilfitri.

Justeru, pengguna dinasihatkan supaya mengikuti jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA yang boleh diakses menerusi aplikasi PLUS dan merancang waktu perjalanan pulang ke Lembah Klang mengikut waktu perjalanan yang dicadangkan bagi membantu melancarkan aliran trafik di lokasi-lokasi tumpuan.

Sempena Aidilfitri, PLUS turut mengaktifkan laluan Smart Lane di 34 lokasi terpilih sepanjang Lebuhraya PLUS serta menugaskan anggota PLUSRonda melakukan rondaan 24-jam sehari di lebuh raya bagi memberikan bantuan kepada pengguna. PLUS turut mempertingkatkan kemudahan di semua kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan hentian sebelah bagi menampung jumlah pengguna yang tinggi sepanjang tempoh berkenaan.

Pengguna lebuh raya turut diingatkan untuk memastikan baki kad Touch 'n Go dan eWallet mencukupi sebelum memulakan perjalanan di lebuh raya bagi mengelakkan kesulitan di plaza tol. Dalam masa yang sama, maklumat trafik semasa boleh diperoleh melalui aplikasi PLUS, aplikasi X@plustrafik, X@lpt2trafik atau menerusi paparan mesej elektronik (VMS) sepanjang lebuh raya serta stesen-stesen radio tempatan.

PLUS menyeru orang ramai supaya merancang perjalanan pulang dengan MyPLUS-TTA dan pandu secara berhati-hati demi keselamatan bersama.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad	Rofina Adam
Pemangku Ketua	Pengurus
Komunikasi Korporat	Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad	PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 013-2097092	Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: mashitah@plus.com.my	Emel: rofina@plus.com.my